

27/01/2003

Usaha menyedar, membuka minda pelajar Melayu Al-Azhar

Mahfar Ali

DEWAN persidangan di Bangunan Penyelidikan Islam, Universiti Al-Azhar, Kaherah, bergema dengan tepukan gemuruh sebaik Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengakhiri ucapannya pada satu majlis ceramah anjuran universiti itu, Rabu lalu.

Syeikhul Al-Azhar, Dr Mohamed Sayed Tantawi, turut bertepuk sebagai tanda penghargaan terhadap ucapan Perdana Menteri, yang diundang bagi menyampaikan ceramah bertajuk 'Perpaduan Islam Dalam Menghadapi Cabaran dan Ancaman' sempena lawatan kerja dua hari Dr Mahathir ke Mesir.

Suasana ini jauh berbeza dengan majlis anjuran kumpulan ekstrem Islam di Malaysia. Pengikut Pas, misalnya, tidak bertepuk tangan kerana menganggapnya tidak Islamik, sebaliknya melaungkan takbir. Ada juga kumpulan menganggap bertepuk tangan seperti memanggil syaitan.

Kalaulah benar pandangan ini, sudah tentu Dr Mohamed Sayed tidak berbuat demikian. Sebagai pemimpin tertinggi universiti Islam tertua, beliau tentunya mempunyai pengetahuan luas mengenai Islam.

Malah, beliau dihormati dan menjadi rujukan dalam soal berkaitan Islam. Peliknya, ramai juga pemimpin Pas mengikuti pengajian di Al-Azhar tetapi tidak pula bersikap sederhana.

Pendekatan parti itu juga bercanggah dengan konsep kesederhanaan yang diamalkan pihak pengurusan Al-Azhar sendiri.

Lebih membimbangkan ialah aliran pemikiran sempit ini turut diterima kebanyakan pelajar Malaysia di Al-Azhar dan 'trend' itu berterusan hingga ke hari ini.

Bagaimana keadaan ini boleh berlaku sedangkan universiti itu mengamalkan konsep pengajian yang sederhana?

Malah, orang Mesir juga lebih liberal. Pensyarah wanita di Al-Azhar, bertudung tetapi memakai skirt labuh dan kot. Begitu juga lelaki, memakai kot dan tali leher. Tetapi, kebanyakan pelajar Malaysia dilihat lebih ekstrem dari orang Mesir sendiri.

Aliran ini sebenarnya dibawa dari Malaysia, lebih-lebih lagi kebanyakan pelajar terbabit mendapat pendidikan di sekolah agama rakyat - institusi pendidikan yang dikaitkan dengan gerakan ekstrem.

Justeru, pemikiran itu sudah berakar umbi sejak pada peringkat sekolah lagi dan Pas turut mempunyai rangkaian di Mesir bagi meneruskan pengaruh parti itu.

Atase Pendidikan Kedutaan Malaysia di Kaherah, Wan Bakar Wan Dagang, mendedahkan sejak 10 tahun kebelakangan ini, Pas juga memperalatkan Persekutuan Melayu Republik Arab Mesir (PMRAM) untuk melahirkan kader parti itu.

Kira-kira 70 peratus pelajar Malaysia dari persatuan anak negeri yang bergabung dengan PMRAM dikatakan bersimpati dengan Pas. Pelajar Malaysia di Mesir kini berjumlah 6,463 orang dan pelajar dari Kelantan paling ramai, iaitu kira-kira 2,000 orang.

Wan Bakar berkata, hampir semua persatuan anak negeri pula tidak berdaftar dengan Kedutaan Malaysia, sebaliknya bernaung di bawah PMRAM yang didaftarkan sebagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Mesir.

PMRAM yang ditubuhkan pada 1930, asalnya disertai pelajar dari nusantara Melayu, termasuk Malaysia, Brunei dan Singapura. Bagaimanapun, PMRAM kini dikuasai pelajar Malaysia apabila pelajar dari negara nusantara lain berdaftar dengan kedutaan masing-masing.

"Kita sentiasa beri peluang persatuan anak negeri berdaftar dengan

kedutaan tetapi mereka menolak kerana dihasut pihak tertentu yang mendakwa persatuan itu akan dikongkong atau dikawal kerajaan. Setakat ini cuma Persatuan Anak Negeri Melaka, Sabah dan Sarawak berdaftar dengan kedutaan," katanya.

Wan Bakar berkata, kumpulan yang bersimpati dengan Pas menggunakan dua strategi untuk memperluaskan pengaruh parti itu, iaitu meletakkan dua pelajar senior di setiap rumah dan menerusi usrah.

"Kebanyakan pelajar tinggal di rumah sewa dan pengikut kumpulan itu tidak akan melepaskan rumah berkenaan selepas menamatkan pengajian, sebaliknya pelajar senior lain akan ditempatkan di situ untuk mempengaruhi pelajar baru," katanya.

Beliau berkata, pendekatan usrah pula digunakan pada musim cuti dan pelajar, terutama wanita, yang tidak menyertai kumpulan itu akan diugut.

Ini diakui Haslina Abu Bakar, penuntut syariah Islamiah dari cawangan Al-Azhar di Iskandariah dan pelajar jurusan Usuluddin, Idarni Abd Kader dari cawangan Al-Azhar di Mansurah.

Haslina dari Johor dan Idarni dari Sabah, turut menceritakan pengalaman mereka diganggu menerusi telefon atau diugut dan disindir kerana tidak menyertai kumpulan itu.

Pengerusi Kelab Umno Mesir, Ahmad Sanusi Md Noor, dan timbalannya, Mohd Hariran Jusoh, juga menyuarakan kebimbangan mengenai perkara itu, lebih-lebih lagi pelajar perempuan dikatakan takut untuk bersuara kerana dikawal pelajar senior.

Ahmad Sanusi berkata, pelajar baru mudah dipengaruhi PMRAM kerana penempatan pelajar di rumah sewa ditentukan badan itu menerusi persatuan anak negeri.

Isu-isu yang dibawa kumpulan itu pula sama rentak dengan apa yang dibangkitkan pembangkang di Malaysia, seperti isu terkini berkaitan sekolah agama rakyat. Kumpulan itu juga memperlekehkan pemimpin negara dalam usaha menghasut pelajar membenci kerajaan.

Namun, kata Ahmad Sanusi, Kelab Umno Mesir kini mula mendapat sokongan pelajar, terutama hasil kunjungan berterusan pemimpin Umno dan kerajaan sejak kebelakangan ini.

Malah, katanya, sejak setahun lalu saja, Kelab Umno Mesir sudah dapat menarik 200 pelajar dan bulan ini saja 80 pelajar perempuan menyertai kelab itu hasil program ilmiah yang dianjurkan badan berkenaan.

"Kehadiran pemimpin negara turut membantu menyedarkan pelajar. Misalnya, hasil pertemuan pelajar Malaysia dengan Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim, tiga bulan lalu, empat orang menyertai Kelab Umno dan kunjungan beliau sekali lagi sempena lawatan Dr Mahathir, dapat menarik 10 pelajar lagi," katanya.

Beliau berharap lebih ramai pemimpin kerajaan, terutama Menteri Besar, menemui pelajar di Mesir kerana kesannya cukup positif. Justeru, katanya, Kelab Umno Mesir juga merancang mengadakan konvensyen dan akan mengundang Menteri Besar.

Wan Bakar yang diminta mengulas usaha kedutaan itu pula berkata, Jabatan Penuntut Malaysia kini melipatgandakan usaha bagi merapatkan pelajar dengan kedutaan, termasuk mengadakan kursus profesional, seperti teknologi maklumat dan bahasa Inggeris, terutama pada musim cuti.

"Kita juga mengadakan kerjasama dengan kerajaan negeri dan pihak swasta Malaysia supaya masa pelajar dapat diisi dengan program bermanfaat dan dapat meningkatkan kualiti pelajar," katanya.

Beliau bimbang kerana kualiti pelajar Malaysia kini dipersoalkan sehingga ramai terpaksa mengulang beberapa kali kerana pendidikan asas yang diterima di sekolah agama rakyat tidak kuat, manakala kebanyakannya pula dihantar terus memasuki tahun tiga atau empat.

Sambil menyifatkan tindakan kerajaan membawa sekolah agama rakyat ke